



**Jun Hoong (empat dari kanan) tiba dengan menaiki ETS sebelum disambut ahli keluarga di Ipoh, semalam.**

**Fakta  
nombor**

**344.34 MATA**

dikumpul Jun Hoong dan Pandelega untuk menang perak dalam acara 10 meter platform seirama di Rio

BERITA HARIAN

2/9/2016 p. 54

# Jun Hoong makin ghairah

**Ipoh:** Selepas melakukan terjunan cemerlang di Sukan Olimpik Rio 2016, Cheong Jun Hoong bertekad mengulanginya pada Kejohanan Terjun Asia ke-10 di Tokyo, Jepun, November depan.

Jun Hoong berkata, dia akan memulakan sesi latihan bermula 5 September ini di Bukit Jalil untuk menghadapi kejohanan itu walaupun jurulatih belum memutuskan acara yang bakal disertainya.

"Ia (acara) belum diputuskan

lagi, terpulang kepada jurulatih tetapi saya akan berlatih dahulu," katanya kepada pemberita sebaik tiba di Stesen Keretapi Ipoh, di sini semalam.

Ketibaan penerjun berusia 26 tahun itu pada jam 12:30 tengah hari dengan menaiki Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dari Kuala Lumpur disambut kira-kira 15 ahli keluarganya.

## **Kongsi pengalaman**

Jun Hoong yang bergandingan

dengan Pandelega Rinong menyumbangkan pingat pertama negara dalam acara terjun 10 meter platform seirama dengan meraih perak di Rio 2016.

Katanya, dia mahu menghabiskan masa bersama keluarga sepanjang tiga hari percutian sebelum kembali semula ke Kuala Lumpur untuk memulakan latihan.

"Saya dah lama tidak balik ke sini (Ipoh), hampir setahun kerana perlu menjalani latihan dan persediaan untuk meng-

hadapi Sukan Olimpik Rio.

"Saya gembira dapat luangkan bersama keluarga dan akan menikmati beberapa makanan di sini seperti dim sum, kopi dan masakan ibu sebelum pulang (ke Kuala Lumpur)," katanya.

Jun Hoong turut memaklumkan, dia akan berkongsi pengalaman dan kejayaan yang dikecapinya bersama pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJ-KC) Yuk Choi, di sini hari ini.

**Oleh Farah Suhaidah Othman**